| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **BAHAGIAN SIRAH** | |
| **TAJUK 1 : MASYARAKAT ARAB SEBELUM DAN SELEPAS ISLAM** | | | | |
| 1. | (a) | (i) | **Maksud Jahiliyyah:**<br>• Tidak tahu dan sesat daripada agama samawi | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Tiga kepercayaan masyarakat arab Jahiliyyah:**<br>• Agama menyembah berhala<br>• Agama Yahudi<br>• Agama Majusi<br>• Agama Hanif<br>• Agama menyembah alam | 3 isi x 1m<br>= 3m |
| | (b) | (i) | √ | 1m |
| | | (ii) | √ | 1m |
| | | (iii) | x | 1m |
| | (c) | | **Tiga perangai keji masyarakat arab Jahiliyyah:**<br>• Merompak, membunuh dan suka berperang<br>• Menindas golongan yang lemah<br>• Membunuh anak perempuan yang baru lahir<br>• Wanita dijadikan hamba dan boleh dijualbeli<br>• Berzina, minum arak dan berjudi | 3 isi x 1m<br>= 3m |
| | (d) | | **Dua perubahan yang telah dibawa oleh Islam sebagai agama penyelamat:**<br>• Menghapuskan amalan karut (1m) kepada mentauhidkan Allah SWT (1m)<br>• Mengubah akhlak mayarakat yang keji (1m) kepada akhlak yang mulia (1m)<br>• Menghapuskan fahaman perkauman yang sempit (1m) kepada fahaman persaudaraan sejagat (1m)<br>• Permusuhan bertukar menjadi kehidupan (1m) yang aman / harmoni (1m)<br>• Penindasan / penipuan bertukar kepada peraturan yang menjamin keadilan (1m) sejagat (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (e) | | **<u>Contoh Jawapan:</u>**<br><br>Terpengaruh godaan syaitan / hawa nafsu (1m) menyebabkan mereka hilang pertimbangan akal yang waras hingga sanggup membuang bayi yang tidak berdosa (2m) kerana malu untuk berhadapan dengan realiti / masyarakat (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah menghayati ajaran Islam dalam kehidupan seharian agar kita tidak terjebak dengan perangai keji masyarakat Jahiliyyah (4m).<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| **TAJUK 2 : RIWAYAT HIDUP RASULULLAH SAW** | | | | |
| 2. | (a) | (i) | 12 Rabiulawal tahun Gajah / 20 April 570 Masehi | 1m |
| | | (ii) | Quraisy | 1m |
| | | (iii) | Aminah binti Wahab | 1m |
| | (b) | (i) | **Dua orang ibu susuan Nabi Muhammad SAW:**<br>• Suwaibah al-Aslamiyyah<br>• Halimatus Sa'diah | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua pekerjaan Nabi Muhammad SAW ketika bersama bapa saudaranya:**<br>• Mengembala kambing<br>• berniaga | 2 isi x 1m = 2m |
| | (c) | (i) | √ | 1m |
| | | (ii) | x | 1m |
| | | (iii) | √ | 1m |
| | (d) | (i) | **Dua faktor yang mendorong masyarakat arab menggelar Nabi Muhammad SAW "al-Amin":**<br>• amanah<br>• bercita-cita besar<br>• sabar<br>• bertanggungjawab<br>• berwawasan | 2 isi x 1m = 2m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (e) | | **<u>Contoh Jawapan:</u>**<br><br>Sentiasa mengamalkan akhlak terpuji / sifat mahmudah dalam kehidupan seharian (1m) seperti amanah, bertanggungjawab dan sabar (2m) agar dapat dicontohi oleh rakan-rakan di sekolah (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan akhlak yang mulia agar kita disenangi oleh masyarakat sekeliling (4m).<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| **TAJUK 3 : KEJAYAAN RASULULLAH SAW MELETAKKAN ASAS AKIDAH YANG KUKUH** | | | | |
| 3. | (a) | (i) | **Dua bentuk ancaman yang dihadapai oleh Rasulullah SAW ketika berdakwah:**<br>• rumah Rasulullah SAW dibaling dengan tahi unta<br>• leher Rasulullah SAW pernah dijerut dengan serban<br>• Abu Jahal cuba menghempas batu besar ketika Nabi bersembahyang di Masjidil Haram<br>• Rasulullah SAW dikelilingi oleh orang kafir, diludah dan didustakan kerasulannya<br>• Rasulullah SAW ditawarkan dengan pangkat, harta dan wanita jika menghentikan dakwahnya | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua bentuk ancaman dan penyeksaan kepada sahabat Nabi:**<br>• Penyeksaan terhadap keluarga Yasir dan Bilal bin Rabah<br>• Memulau keluarga Bani Hashim dan Bani Abdul Mutalib<br>• Menghalang golongan hamba dan orang yang lemah daripada memeluk Islam<br>• Menghentkan urusan dengan orang Islam dalam semua aspek kehidupan<br>• Mengugut untuk membunuh sesiapa yang menerimaajaran Islam | 2 isi x 1m = 2m |
| | (b) | (i) | √ | 1m |
| | | (ii) | x | 1m |
| | | (iii) | √ | 1m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **Dua faktor kejayaan perjuangan Rasulullah SAW :**<br>• Hidayah daripada Allah SWT<br>• Keunggulan peribadi Rasulullah SAW<br>• Keadilan dan persamaan hak dalam Islam<br>• Menghormati pandangan dan hak orang lain<br>• Berdakwah dengan hikmah dan bijaksana<br>• Sifat sabar dan dedikasi Rasulullah SAW<br>• Membela nasib wanita dan golongan lemah | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (d) | | **<u>Contoh Jawapan:</u>**<br><br>Bersabar menghadapi cabaran dalam menuntut ilmu (1m) dan tidak mudah berputus asa (2m) contohnya terus berusaha apabila menghadapi kegagalan (3m). Oleh itu, kita akan menjadi pelajar yang cemerlang dan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat (4m).<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| **TAJUK 4 : STRATEGI PERJUANGAN RASULULLAH SAW DI MEKAH** | | | | |
| 4. | (a) | (i) | **Cara Rasulullah SAW berdakwah secara sulit:**<br>• Baginda menyeruorang perseorangan dari keluarga yang terdekat (1m) dan sahabat-sahabat yang rapat (1m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Tiga orang yang mula-mula menerima ajaran Islam:**<br>• Sayidatina Khadijah binti Khuwailid<br>• Abu Bakar as-Siddiq<br>• Ali bin Abi Talib<br>• Uthman bin Affan<br>• Saad bin Abi Waqas<br>• Az-Zubir bin Awwam<br>• Abu Ubaidah al-Jarrah<br>• Abdul Rahman bin Auf<br>• Zaid bin Harithah<br>• Al-Arqam bin Abi al-Arqam<br>• Talhah bin Ubaidillah | 3 isi x 1m<br>= 3m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua hikmah Rasulullah SAW berdakwah secara rahsia:<br>• Ajaran Islam dapat diterima (1m) tanpa ada gangguan (1m)<br>• Penentangan secara terbuka oleh kaum Quraisy (1m) dapat dihindari (1m)<br>• Kedudukan umat Islam bertambah mantap (1m) dari sehari ke sehari (1m)<br>• Masyarakat arab tidak terkejut untuk mengamalkan amalan tradisi (1m) tanpa ada halangan (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Cara Rasulullah SAW berdakwah secara terus terang:<br>• Menjemput semua kaum keluarga ke majlis jamuan di rumah Ali bin Abi Talib. Baginda menerangkan dasar-dasar agama Islam<br>• menyeru kaum Quraisy dan ketua-ketuanya untuk menghadiri satu rapat umum di Bukit Safa</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah Rasulullah SAW berdakwah secara terus-terang:<br>• Umat Islam berani menegakkan kebenaran (1m) tanpa rasa takut (1m)<br>• Penganut Islam mantap pegangan akidahnya (1m) dari semasa ke semasa (1m)<br>• Umat Islam bebas menyebarkan dakwahnya (1m) dalam masyarakat / tanpa ada gangguan (1m)<br>• Agama Islam tersebar luas (1m) di pelusuk dunia (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Faktor penentangan musyrikin Mekah:<br><table><tr><td>(i)</td><td>√</td></tr><tr><td>(ii)</td><td>√</td></tr><tr><td>(iii)</td><td>X</td></tr><tr><td>(iv)</td><td>X</td></tr></table></td><td>4 isi x 1m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td colspan="5">TAJUK 5 : HIJRAH RASULULLAH SAW</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud hijrah:<br>• Perpindahan Rasulullah SAW dan orang-orang Islam (1m) dari Mekah ke Madinah (1m)</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sebab berlaku peristiwa hijrah:<br>• Perintah Allah SWT<br>• Ancaman terhadap Islam semakin memuncak<br>• Dakwah Rasulullah SAW ditentang hebat oleh musyrikin Mekah<br>• Strategi dakwah Rasulullah SAW<br>• Penduduk Madinah memberi jaminan keselamatan</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua usaha musyrikin Mekah untuk menyekat dakwah Rasulullah SAW:**<br>• Memujuk Rasulullah SAW mempraktikkan ajaran Islam dan amalan Jahiliyah secara bergilir-gilir (1m) antara umat Islam dengan Quraisy (1m)<br>• Menawarkan kepada Rasulullah SAW pangkat, harta kekayaan dan perempua (1m) supaya meninggalkan dakwah Islam (1m)<br>• Memulau dan mengenakan sekatan ekonomi kepada Rasulullah SAW dan keturunan Nabi (1m) selama 3 tahun (1m)<br>• Melakukan pelbagai penyeksaan (1m) terhadap orang Islam (1m)<br>• Merancang membunuh Rasulullah SAW (1m) sebagai pilihan terakhir (1m) | 2 isi x 2m = 4m |
| | (b) | (i) | **Perjanjian Aqabah I:**<br>(i) √<br>(ii) √<br>(iii) **X** | 3 isi x 1m = 3m |
| | | (ii) | **Perjanjian Aqabah II:**<br>(i) √<br>(ii) **X**<br>(iii) √ | 3 isi x 1m = 3m |
| | (c) | (i) | **Maksud Muhajirin:**<br>• Orang Islam Mekah yang berhijrah bersama-sama Rasulullah SAW (1m) ke Madinah (1m) | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Maksud Ansar:**<br>• Penduduk Islam Madinah yang memberi pertolongan (1m) kepada Rasulullah SAW dan orang Islam Mekah (1m) | 2 isi x 1m = 2m |
| | (d) | | **Dua langkah Rasulullah SAW untuk mengukuhkan Islam di Madinah selepas hijrah:**<br>• Mempeersaudarakan Muhajirin dan Ansar (1m) sebagai saudara kandung (1m)<br>• Membina masjid Nabawi (1m) sebagai tenmpat beribadat / tempat perjumpaan umat Islam (1m)<br>• Membuat penjanjian dengan penduduk Madinah untuk mengiktiraf Rasulullah SAW(1m) sebagai pemimpin Madinah (1m) | 2 isi x 2m = 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (e) | | **Contoh Jawapan:**<br><br>Saya akan mengamalkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain (1m) tanpa mengira bangsa, warna kulit dan keturunan (2m) seperti member salam / bercakap dengan bahasa yang sopan / bersedia menerima pandangan orang lain (3m). Oleh itu, saya dapat mengukuhkan semangat persaudaraan / kasih sayang dalam kalangan rakan saya di sekolah (4m).<br><br>**Catatan:**<br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| **TAJUK 6 : KEUNGGULAN PERJUANGAN TOKOH-TOKOH ISLAM** | | | | |
| | | | **UNIT 1 : ABU BAKAR AS-SIDDIQ** | |
| | | | | |
| 6. | (a) | (i) | 572 Masehi / 2 tahun selepas kelahiran Rasulullah SAW | 1m |
| | | (ii) | Bangsawan Quraisy | 1m |
| | | (iii) | As-Siddiq | 1m |
| | (b) | (i) | √ | 1m |
| | | (ii) | X | 1m |
| | | (iii) | √ | 1m |
| | (c) | | **Dua sumbangan dan pengorbanan Sayidina Abu Bakar:**<br>• Mendermakan seluruh hartanya dalam perang Tabuk<br>• Membebaskan penganut Islam yang diseksa dengan membayar wang tebusan<br>• Sentiasa bersama Rasulullah SAW dalam semua peperangan<br>• Sanggup melakukan apa sahaja untuk menyelamatkan nyawa Rasulullah SAW<br>• Menemani Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah | 2 isi x 2m = 2m |
| | (d) | | **Dua jasa Sayidina Abu Bakar as-Siddiq:**<br>• Berjaya menghapuskan golongan murtad dan nabi palsu (1m) selepas kewafatan Rasulullah SAW (1m)<br>• Memerangi golongan yang enggan membayar zakat (1m) daripada berleluasa (1m)<br>• Mengekalkan keamanan di Madinah (1m) yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW (1m)<br>• Mengembangkan syiar Islam (1m) ke negeri Parsi dan Rom (1m)<br>• Berusaha mengumpulkan al-Quran (1m) atas cadangan Sayidina Umar (1m) | 2 isi x 2m = 4m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td colspan="5">UNIT 2 : SAYIDATINA KHADIJAH BINTI KHUWAILID</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Nabi Muhammad SAW / Rasulullah SAW</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Ahli perniagaan</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>620 Masehi / tahun ke 10 kerasulan Nabi SAW</td><td>1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Tiga sifat mulia Sayidatina Khadijah r.a:<br>• Taat kepada perintah Allah SWT<br>• Berakhlak mulia<br>• Dermawan<br>• Penyabar / seorang yang tabah / cekal<br>• Penyayang<br>• Berwawasan<br>• Berfikiran kreatif</td><td>3 isi x 1m = 3m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Sumbangan Sayidatina Khadijah:<br><table><tr><td>(i)</td><td>√</td></tr><tr><td>(ii)</td><td>X</td></tr><tr><td>(iii)</td><td>√</td></tr></table></td><td>3 isi x 1m = 3m</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td><u>Contoh Jawapan:</u><br>(1m) (2m) (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa (4m).<br><br><u>Catatan:</u><br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m</td><td>4m</td></tr>
<tr><td colspan="5">UNIT 3 : SUMAIYYAH UMMU AMMAR YASIR</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 3. | (a) | (i) | Yasir bin Amir | 1m |
| | | (ii) | Pengembala | 1m |
| | | (iii) | Huzaifah bin al-Mughirah | 1m |
| | (b) | | **Dua bentuk penyeksaan yang dialami oleh Sumaiyah:**<br>• Diseret di padang pasir<br>• Dipukul hingga berdarah<br>• Dijemur ditengah panas matahari<br>• Dipakaikan baju rantai daripada besi<br>• Ditikam dengan lembing hingga mati | 2 isi x 1m = 2m |
| | (c) | | **Dua sumbangan dan pengorbanan Sumaiyah:**<br>• Berani menyatakan yang hak (1m) walaupun mengaancam nyawa sendiri (1m)<br>• Sanggup mempertaruhkan nyawa (1m) kerana mempertahankan akidahnya (1m)<br>• Memberi imej yang baik kepada umat Islam (1m) dalam soal mempertahankan Islam (1m)<br>• Memperteguhkan keyakinan umat Islam yang lain (1m) untuk meneruskan perjuangan (1m) | 2 isi x 2m = 4m |
| | (d) | | **<u>Contoh Jawapan:</u>**<br><br>Menenmui kegagalan dalam pelajaran / gagal mencapai kejayaan (1m) kerana pelajar yang tidak mempunyai semangat jihad adalah pelajar yang tidak berani menghadapi cabaran (2m). Sifat berani ini sangat penting kerana ia pencetus semangat untuk berjaya (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi agar berjaya dengan cemerlang (4m).<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |
| **UNIT 4 : BILAL BIN RABAH** | | | | |
| 4. | (a) | (i) | 43 tahun sebelum hijrah | 1m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Umaiyah bin Khalaf | 1m |
| | | (iii) | Muazzin | 1m |
| | (b) | | **Tiga sifat peribadi Bilal bin Rabah:**<br>• Taat<br>• Penyabar<br>• Rajin bekerja<br>• Berperibadi mulia<br>• Seorang yang cekal<br>• Memiliki iman yang teguh | 3 isi x 1m<br>= 3m |
| | (c) | | **Dua bentuk penyeksaan yang dialami oleh Bilal:**<br>• Kedua-dua tangan dan kakinya diikat<br>• Diletakkan batu besar di atas perutnya<br>• Diseksa di padang pasir yang panas terik | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | (d) | | **Dua sumbangan dan pengorbanan Bilal bin Rabah:**<br>• Muazzin yang pertama (1m) pada zaman rasulullah SAW (1m)<br>• Menjadi contoh teladan yang unggul (1m) dalam mempertahankan kesucian akidah (1m)<br>• Membantu Rasulullah SAW mengembangkan dakwah Islam (1m) dalam kalangan hamba (1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (e) | | **<u>Contoh Jawapan:</u>**<br><br>Sabar dan tabah dalam menuntut ilmu pengetahuan (1m) kerana menuntut ilmu ini mempunyai banyak cabaran untuk berjaya (2m) seperti tidak mudah berputus asa gagal dalam peperiksaan (3m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berusaha dengan gigih agar mendapat kejayaan yang cemerlang (4m).<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Isi (1 sahaja) = 1m<br>Isi + huraian ringkas = 2m<br>Isi + huraian + lengkap (contoh/sebab/kesan) = 3m<br>Isi + huraian + lengkap + kesimpulan = 4m | 4m |